



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

(Senat 345: 26 Ogos 2010 dan Senat 362: 16 Mac 2011)

GARIS PANDUAN PELANTIKAN PROFESOR SEBAGAI AHLI SENAT

1. Garis panduan ini dinamakan Garis Panduan Perlantikan Profesor sebagai ahli Senat UKM.
2. Garis Panduan ini hendaklah dibaca selaras dengan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Pindaan) 2009 dan Perlembagaan Universiti Kebangsaan Malaysia 2010.
3. **Tafsiran**

"Universiti" ertinya Universiti Kebangsaan Malaysia.

"Pengundi" ertinya semua Profesor dan Profesor Madya di Universiti.

"Calon Perwakilan" ertinya Profesor Sepenuh Masa di Universiti mengikut Seksyen 22 Perlembagaan UKM 2010.

"Profesor Sepenuh Masa" ertinya Profesor yang berkhidmat secara sepenuh masa termasuk Profesor Kontrak.

"e-undi Senat" ertinya sistem pemilihan atau pengundian keahlian Profesor secara elektronik.

4. **Keahlian Senat**

- 4.1 Mengikut Jadual Pertama, Akta Universiti & Kolej Universiti 1971 (Pindaan) 2009 memperuntukkan bahawa:

Senat hendaklah terdiri daripada:

- a) Naib Canselor yang hendaklah menjadi Pengerusi
 - b) Timbalan Naib Canselor
 - c) Semua Dekan Fakulti, Pengarah Institut/Pusat.
 - d) tidak lebih daripada dua puluh orang Profesor Sepenuh Masa yang dipilih bagi tempoh tiga tahun oleh semua Profesor dan Profesor Madya Universiti.
 - e) tidak lebih daripada lima orang daripada Universiti yang hendaklah diko-op oleh Naib Canselor selama tiga tahun.

- 5. Urusetia Pemilihan Ahli Senat di Kalangan Profesor Universiti**
 - 5.1 Urusetia yang bertanggungjawab bagi melaksanakan proses pemilihan ahli Senat di kalangan Profesor Universiti adalah Bahagian Pengurusan Akademik, Jabatan Pendaftar.
 - 5.2 Urusetia ini akan bertanggungjawab menyediakan segala maklumat dan keperluan pemilihan serta mengambil apa-apa langkah yang difikirkan patut bagi memastikan proses pemilihan berjalan dengan lancar dan adil termasuk memeriksa dan menyemak:
 - a) senarai calon yang layak menjadi ahli Senat
 - b) senarai pengundi di kalangan Profesor dan Profesor Madya Universiti
 - c) Proses pengundian dan jumlah undi
 - d) Penetapan kuota ahli Senat bagi Fakulti/Pusat/Institut
 - e) Pengesahan data pengundi
 - f) Menyediakan laporan dan surat pelantikan ahli Senat
 - g) Berurus dengan Pusat Teknologi Maklumat (PTM) untuk menyediakan semua keperluan berkaitan pemilihan dan pengundian dan memastikan perkakasan serta sistem e-undi berjalan lancar.
- 6. Kelayakan Calon dan Pengundi**
 - 6.1 Selaras dengan **Seksyen 22** Perlumbagaan UKM 2010, calon perwakilan sebagai ahli Senat hendaklah:
 - a) Profesor sepenuh masa Universiti
 - b) tidak memegang jawatan Dekan Fakulti, Pengarah Institut/Pusat.
 - 6.2 Pengundi adalah semua Profesor dan Profesor Madya sepenuh masa bagi Fakulti, Institut/Pusat.
 - 6.3 Profesor yang dipinjamkan ke agensi luar layak mengundi tetapi tidak layak menjadi calon.
 - 6.4 Felo Utama yang dilantik di atas jawatan Profesor layak mengundi dan dicalonkan sebagai ahli Senat.
 - 6.5 Felo Utama dan Felo Kanan tidak layak mengundi tetapi bilangannya diambilkira sebagai jumlah ahli akademik di Institut.
 - 6.6 Kakitangan akademik di Institut dikira jawatan hakikinya di fakulti.
 - 6.7 Kakitangan akademik di Fakulti Perubatan (DU53/DU54), Fakulti Pergigian (DUG53/DUG54) dan Fakulti Farmasi (DS53/DS54) yang dinaikkan pangkat secara *laluan kerjaya* tidak layak mengundi.

7. Penetapan Kuota Perwakilan

- 7.1 Bagi memastikan hak untuk memilih calon perwakilan dalam Senat lebih menyeluruh, penetapan kuota bagi Fakulti/Institut/Pusat disediakan supaya Fakulti/Institut/Pusat ada wakil dalam Senat;
- 7.2 Formula yang akan digunakan dalam penetapan kuota calon perwakilan Profesor untuk menjadi ahli Senat seperti yang telah diluluskan oleh MPU dengan mengambilkira jumlah keseluruhan ahli kakitangan akademik di Universiti adalah seperti berikut :

$$\frac{\text{Bil. kakitangan akademik fakulti}}{\text{Bil. jumlah kakitangan akademik Universiti}} \times 20$$

(*Kuota Pemilihan Wakil Profesor Sebagai Ahli Mesyuarat Senat di Lampiran*)

- 7.3 Semua Profesor dan Prof. Madya di Fakulti/Institut/Pusat layak mengundi calon Profesor dari semua fakulti/Institut untuk menjadi ahli Senat mengikut kuota yang ditetapkan.

8. Hari Pengundian

- 8.1 Pihak Pengurusan Universiti mempunyai kuasa menentukan prosedur pengendalian pengundian sama ada secara sistem manual atau elektronik.
- 8.2 Maklumat atau penerangan mengenai pemilihan dan pengundian akan dikeluarkan oleh Bahagian Pengurusan Akademik.
- 8.3 Pengundian hendaklah dijalankan pada tarikh dan tempoh masa (*satu minggu*) yang ditentukan oleh Bahagian Pengurusan Akademik, Jabatan Pendaftar.
- 8.4 Penjumlahan undi akan dijalankan di Bahagian Pengurusan Akademik dan dibantu oleh pegawai dari Pusat Teknologi Maklumat (PTM) bagi menjumlah keseluruhan undi.
- 8.5 Apabila penjumlahan undi telah selesai, 20 orang calon yang mendapat undi terbanyak akan dipilih sebagai calon perwakilan dalam Senat mengikut kuota Fakulti/Pusat/Institut yang ditetapkan itu.
- 8.6 Pendaftar atau Timbalan Pendaftar Bahagian Pengurusan Akademik akan mengesahkan jumlah undi yang diterima dan seterusnya melaporkan keputusan pemilihan kepada Naib Canselor.

9. Persamaan Jumlah Undi

- 9.1 Jika bilangan undi di antara calon didapati sama banyak, Naib Canselor menurut budi bicaranya boleh membuat penambahan satu undi bagi melayakkan mana-mana calon untuk dipilih sebagai ahli Senat.

10. Pemakluman Keputusan Pemilihan

- 10.1 Pemakluman dan surat perlantikan Profesor yang dipilih menjadi ahli Senat akan dibuat oleh Naib Canselor.

11. Tempoh Jawatan

- 11.1 Tempoh jawatan sebagai ahli Senat adalah tiga tahun. Penetapan kuota calon bagi setiap Fakulti/Pusat/Institut akan disemak semula berdasarkan jumlah semasa bilangan kakitangan akademik di Fakulti/Pusat/Institut setiap 3 tahun sekali.
- 11.2 Seorang ahli yang dilantik boleh meletak jawatan dengan memberi 3 bulan notis kepada Pengerusi.
- 11.3 Sekiranya berlaku kekosongan ahli Profesor dalam keahlian Senat atau jika ada ahli yang tamat dan perlu diganti bagi tempoh yang berbaki, pencalonan akan diambil daripada undian kedua tertinggi.
- 11.4 Ahli yang terpilih untuk mengisi kekosongan jawatan ahli Senat yang meletak jawatan, bersara wajib atau pilihan atau diberhentikan hendaklah memegang jawatan selama baki tempoh ahli yang terdahulu dilantik.
- 11.5 Mana-mana ahli yang menjadi ahli Senat akan gugur keahliannya secara automatik apabila tamat tempoh kontrak, bersara wajib atau pilihan, atau diberhentikan oleh Universiti atas sebarang sebab.
- 11.6 Sekiranya calon yang mempunyai undian tertinggi menolak, akan diambil calon undian kedua tertinggi dan seterusnya.

Mesyuarat Pengurusan Universiti (MPU) Bil. 16/2009 bertarikh 23 Jun 2009 telah bersetuju meluluskan Garis Panduan Pelantikan Professor Sebagai Ahli Senat UKM.

Senat dalam mesyuarat pada 16 Februari 2011, Kertaskerja Bil. 21/2011 telah meluluskan pelaksanaan pemilihan ahli senat keahlian Profesor menerusi Sistem E-undi.